

MOHD. Salman Mohamed Ali, pendebat UIAM 'A', telah dinobatkan sebagai pendebat terbaik.



JOHAN dan naib johan bangga di atas kejayaan mereka menewaskan 19 pasukan lain daripada 11 IPT negara ASEAN yang menyertai Kejuhanan Debat Bahasa Arab Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), baru-baru ini.

UIAM 'A' juara debat bahasa Arab

DEBAT adalah medan utama mengasah bakat serta menilai tahap kepetahan seseorang berhujah secara bernas.

Selain ia membina keyakinan pada diri pesertanya, ia juga melatih para pendebat menggali pelbagai khazanah ilmu bagi mengukuh dan menyokong hujah mereka.

Pada masa yang sama, debat juga mampu memperkukuh tatabahasa dan penguasaan sesuatu bahasa.

Itulah yang dapat disaksikan dalam Kejuhanan Debat Bahasa Arab Peringkat Institusi Pengajian Tinggi (IPT) ASEAN anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan pada 17 hingga 21 Julai lalu.

Sebanyak 19 pasukan yang terdiri daripada 11 IPT negara ASEAN mengambil bahagian dalam penyertaan kejuhanan ini.

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) kumpulan A sekali lagi menjadi juara dalam Kejuhanan Debat tersebut.

UIAM mempertaruhkan dua kumpulan untuk kejuhanan debat kali ini yang mana kedua-dua pasukan berjaya melayakkan diri ke

pertandingan akhir.

Pertandingan akhir kejuhanan debat pada kali ini menampilkan pasukan UIAM (A) sebagai pembangkang dan pasukan UIAM (B) sebagai pencadang. Tajuk debat adalah 'Pengukuhan Ekonomi Antara Negara-Negara ASEAN Adalah Perlu'.

Selain membawa pulang wang tunai RM5,000, piala pusingan dan sijil, pendebat UIAM A, Mohd. Salman Mohamed Ali turut diumumkan pendebat terbaik dan membawa pulang wang tunai RM1,000.

Naib johan pula menerima wang tunai RM3,000, piala iringan dan sijil.

Program yang menjadi takwim tahunan USIM ini adalah kesinambungan kejayaan edisi pertama dan kedua kejuhanan debat tersebut. Debat ini turut mendapat kerjasama Majlis Debat Universiti-Universiti Malaysia (Madum) dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.

Sebagai universiti yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi utama, penganjuran kali ini diharapkan dapat menjadikan bahasa Arab sebagai salah satu bahasa global.

Selain itu, kejuhanan ini merupakan medium terbaik para mahasiswa untuk mencanai kebolehan berkomunikasi

terutamanya dalam bahasa Arab. Seterusnya mewujudkan kerjasama intelektual antara IPT Asean yang mengambil bahagian.

Kejuhanan yang bertemakan *Membudayakan Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmu dan Diplomasi* ini dirasmikan oleh Imam Besar Masjid

Negara, Tan Sri Sheikh Ismail Mohamad.

Beliau mewakili Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Senator Datuk Dr. Mashitah Ibrahim. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor HEP & Alumni USIM, Prof. Datuk Dr. Asin Dollah.

Pertandingan fotografi FKPM

ANDA berbakat dalam bidang fotografi dan mencari-cari tempat yang sesuai untuk mempamerkan bakat anda? Jika ya, apa kata anda mencuba nasib dalam pertandingan fotografi amatir terbuka, Sabtu ini.

Pertandingan yang julung kali diadakan oleh Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKPM) Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor itu akan berlangsung di Taman Pertanian Malaysia, Bukit Cahaya Seri Alam, Shah Alam, Selangor.

FKPM dalam kenyataannya berkata, pertandingan yang bertemakan *Keunikan Taman Pertanian Shah Alam* itu terhad kepada 200 penyertaan sahaja. Setiap peserta dikenakan bayaran RM50.

"Kita juga menyediakan hadiah misteri kepada 20 penyertaan awal pertandingan yang terbuka kepada individu berumur 15 tahun dan ke atas," katanya kepada *Mega*, hari ini.

Pertandingan itu juga diadakan bagi memupuk sifak cintakan alam semula jadi dalam usaha memulihara alam sekitar dan kawasan hijau dalam negara.

Mereka yang berminat boleh mendapatkan borang penyertaan di FKPM, UiTM Shah Alam atau pejabat Taman Pertanian Shah Alam atau melalui laman web <http://www.u-vue.co.cc/>.